



BULETIN INFORMASI PERBADANAN PUTRAJAYA

BULETIN PPj

EDISI BAHARU

• KELUARAN 4 2021



Sidang REDAKSI

KETUA EDITOR



YM Tengku Aina binti YTM Tengku Ismail Shah

EDITOR



Puan Haryani
binti Kaulan



Cik Siti Nurul
Azzua binti Tamjis

URUS SETIA SOKONGAN TEKNIKAL (ICT)



Encik Amran
bin Ashaari



Puan Syalinda binti
Abu Hassan Al Shaari



Encik Rosmaidi
bin Rimin

GRAFIK DAN REKA BENTUK



Puan Zuraida
binti Zainol

PENULIS



Encik Khalilurrahman
bin Kamaruz-zaman



Puan Nor Azimah
binti Jamaluddin



Encik Asmawi
bin Ahmad



Encik Adi Khirman
bin Marji



Encik Mohd Fairus
bin Mohd Padzil



Puan Norhaliza
binti Hanifah



Puan Nur Nisha
binti Mohd Idrus



Puan Fadhlul Jannah
binti Abd Karim



Puan Wan Aslina
binti Wan Awang



Encik Mohd Faizal
bin Ab. Wahab Chu



Puan Jane Jasmin
binti Benjamin Yuen



Encik Muhammad
Shurazi bin Sukhur

ISI KANDUNGAN

- 10 PROJEK RESIDENSI KELUARGA MALAYSIA DIBINA DI PUTRAJAYA 3
- PROJEK CARETON@ PUTRAJAYA BANTU JANA PENDAPATAN KOMUNITI 4
- IKAN GRED TINGGI DITEMUKAN DI TASIK PUTRAJAYA 5
- MASALAH PENDUDUK DIAMBIL KIRA DALAM ISU PARKIR BERTINGKAT 6
- PPJ RANGKUL DUA ANUGERAH PAR EXCELLENCE DI HYDRABAD INDIA 14
- KEUNIKAN GLAMPING@ WETLAND (GLOW) 15
- 18 PEKHIDMAT PPJ TERIMA BANTUAN SEGERA BANJIR 16

PERTANYAAN

Sidang redaksi *Buletin Perbadanan Putrajaya* mengalu-alukan komen, ulasan dan sumbangan dari semua pembaca

Email pertanyaan hendaklah ditujukan kepada:
ppjonline@ppj.gov.my

Bahagian Komunikasi Korporat,
Jabatan Perkhidmatan Korporat,
Perbadanan Putrajaya,
24, Persiaran Perdana,
Presint 3, 62675 Putrajaya.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:



www.ppj.gov.my



[Facebook/putrajaya](https://www.facebook.com/putrajaya)



[Twitter@putrajayacorp](https://twitter.com/putrajayacorp)



[Youtube/perbadananputrajaya](https://www.youtube.com/perbadananputrajaya)



[Instagram/perbadananputrajaya](https://www.instagram.com/perbadananputrajaya)

10 projek Residensi Keluarga Malaysia dibina di Putrajaya menjelang 2026

Sebanyak 10 projek perumahan mampu milik di bawah Residensi Keluarga Malaysia akan dibangunkan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya menjelang tahun 2026.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi bin Mohd. Zain berkata, 10 buah tapak pembangunan sudah dikenal pasti masing-masing di Presint 5, 7, 11, 16 dan 19.

Selaras dengan pengumuman Kementerian Wilayah Persekutuan sebelum ini, lebih 10,000 unit kediaman ditawarkan menerusi 10 projek kediaman tersebut.

Diharapkan Residensi Keluarga Malaysia ini akan dapat mengatasi isu kesukaran pemilikan rumah di Putrajaya, kata Presiden PPj ketika ditemui pemberita pada Majlis Memeterai Perjanjian Pembangunan Projek Pembangunan Residensi Keluarga Malaysia Cengkih, di Kompleks PPj, Presint 3.

Muhammad Azmi berkata, projek berkenaan yang dibangunkan oleh Apex Communications Sdn. Bhd. adalah kediaman mampu milik pertama dibina di Putrajaya di bawah Residensi Keluarga Malaysia.

Menurut beliau, projek pembangunan tersebut akan dibangunkan di Presint 16 yang menawarkan 724 unit kediaman dengan keluasan 750 kaki persegi.

Kediaman tersebut ditawarkan pada harga jualan tidak melebihi RM20,000 yang mana 50% daripada unit kediaman diperuntukkan kepada kuota bumiputera dari kumpulan B40.

Projek kediaman tersebut sudah mendapat proses kelulusan Kebenaran Merancang (KMPB) dan Kelulusan Mendirikan Bangunan (MB) untuk dimulakan pembinaannya dan dijangka siap sepenuhnya pada 2024.

Projek kediaman ini dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk surau, dewan serbaguna, tadika, taska, bilik bacaan, bilik komputer, ruang niaga, gelanggang badminton, taman permainan kanak-kanak dan trek jogging.



Projek CAREton@Putrajaya Bantu Jana Pendapatan Komuniti Putrajaya



Perbadanan Putrajaya (PPj) berhasrat mengembangkan projek CAREton@Putrajaya sebagai aktiviti ekonomi dan produk eco pelancongan yang unik sekali gus membantu komuniti setempat menjana sumber ekonomi.

Projek perintis menghasilkan prodeks Used Beverage Cartons (UBC) dan menggunakan papan poly Aluminium (polyAl) Bersama komuniti Presint 8 dan 14 tersebut dikembangkan kepada aktiviti penghasilan produk UBC secara inovatif sejak tahun lalu.

Menurut Naib Presiden Perancangan Bandar PPj, Shamsul Bahrin, sepanjang tahun 2020, pelbagai aktiviti CAREton@Putrajaya telah dilaksanakan bersama komuniti dan rakan strategik yang secara tidak langsung menyasarkan pengurangan pelepasan karbon menjelang tahun 2025.

Antaranya penambahan lokasi bin pengumpulan UBC selain daripada kemudahan 3R sedia ada serta anjuran sesi latihan untuk menghasilkan produk 'upcycle' UBC kepada komuniti setempat.

Komuniti sangat kreatif seperti terciptanya bangku menggunakan papan polyAl. Untuk pengetahuan umum, papan tersebut boleh tahan lama serta lebih utuh berbanding kayu plywood. Untuk masa akan datang, PPj akan mempromosikan produk yang dihasilkan kepada

pihak luar serta memasarkannya supaya menjadi salah satu produk eco-pelancongan standing produk-produk hiasan.

Bahan binaan mesra alam ini diproses daripada kotak air minuman terpakai melalui projek CAREton yang diperkenalkan Syarikat Tetra Pak Malaysia dan Syarikat Nestle MILO UHT yang bermula pada tahun 2012. Dalam masa yang sama, bermula 3 Februari hingga 23 April 2021, PPj telah menganjurkan pertandingan penghasilan produk 'upcycle' UBC dan papan polyAl kepada komuniti yang mana kaedah anjuran pertandingan adalah menghasilkan lampu menggunakan UBC.

Melalui pertandingan ini, PPj dapat memperkenalkan projek CAREton@Putrajaya kepada seluruh komuniti Putrajaya dan meningkatkan lagi daya kreativiti komuniti dalam penghasilan produk berlandaskan bahan serta teknologi hijau.

Secara tidak langsung, pertandingan ini dapat mengurangkan lagi jumlah UBC yang dilupuskan di tapak pelupusan. Jika dahulu, usaha sedia ada hanya memfokuskan pengumpulan kotak air minuman terpakai dan dihantarkan ke pusat kitar semula sahaja tetapi kini, ia dikembangkan kepada aktiviti penghasilan produk UBC selaras penjenamaan semula projek CAREton kepada CAREton@Putrajaya.

Pertandingan yang dianjurkan mendapat sambutan yang menggalakkan dengan menerima 40 penyertaan yang terdiri daripada empat kumpulan iaitu kategori Terbuka, Pelajar Sekolah Menengah, Pelajar Sekolah Rendah serta Warga Emas.

Juara pertandingan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM600 sementara RM500 bagi naib juara diikuti RM400 bagi tempat ketiga dan saguhati RM200.

Ikan Gred Tinggi Ditemukan Di Tasik Dan Wetland Putrajaya



Ikan gred tinggi seperti Temoleh dan Kelah sangat sensitif kepada pencemaran air, malah spesies itu hanya ditemukan di kawasan sungai bersih dan ekosistem yang sensitif. Bagaimanapun, dua spesies ikan tersebut adalah antara 56 spesies ikan yang dikesan menjadikan Tasik Putrajaya dan Wetland Putrajaya sebagai habitatnya.

Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Tasik dan Wetland, Jabatan Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), Normaliza Noordin berkata, kehadiran ikan-ikan itu juga secara langsung menjadi penunjuk biologi ekosistem yang sihat kerana ia sangat sensitif dengan pencemaran.

Kajian pada tahun lalu mendapati, nilai Indeks Kualiti Air Tasik Putrajaya adalah 92.8 sekali gus menunjukkan kualiti air yang sangat baik. Keadaan ini menjadikan ekosistem akuatik perbandaran ini habitat yang kondusif kepada ikan-ikan gred tinggi seperti Kelah dan Temoleh untuk terus mendiami di Tasik Putrajaya.

Sistem Pengurusan Ikan Bersepadu di Tasik Putrajaya dilaksanakan dengan kerjasama dan bantuan teknikal dari Jabatan Perikanan Malaysia. Aspek pengurusan adalah termasuk aktiviti persampelan, penambahan stok serta kawalan ikan pemangsa bagi tujuan kawalan serta keseimbangan populasi ikan.

PPj turut menganjurkan pertandingan memancing di lokasi-lokasi tertentu di Tasik Putrajaya bagi memberi peluang kepada kaki-kaki pancing untuk menjinakkan dan mendaratkan ikan bagi merebut hadiah pertandingan.

Aktiviti memancing ini turut memberi manfaat sebagai rekod inventori spesies ikan yang mendiami Tasik dan Wetland Putrajaya. Inventori yang dijalankan sejak tahun 2000 merekodkan 56 spesies ikan ditemui di Tasik dan Wetland Putrajaya.

Walaupun bagaimanapun, hanya 31 spesies ikan yang sering ditemui saban tahun semasa persampelan saintifik dilaksanakan bersama pihak Jabatan Perikanan.



Masalah Penduduk Diambil Kira Dalam Isu Parkir Bertingkat Presint 8

Kemelut isu pembinaan parkir bertingkat di Blok C, Presint 8, Putrajaya berakhir apabila Kementerian Wilayah Persekutuan sedia mengambil kira setiap masalah penduduk. Jaminan tersebut telah disuarakan oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias selepas sesi turun padang bertemu penduduk di kuarters berkenaan bagi mendengar masalah mereka.

Walaupun pada mulanya situasi agak tegang dengan ramai berkeras membantah, namun akhirnya mereka bersetuju dan berpuas hati menerima penjelasan daripada Timbalan Menteri. Setelah mengadakan mesyuarat dengan beberapa pihak berkaitan, kementerian memutuskan untuk meneruskan projek tersebut, namun dengan mengambil kira pelbagai faktor yang telah dibangkitkan.

Terdahulu, Timbalan Menteri diiringi Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain meninjau sendiri keadaan tapak dicadangkan dan bertemu penduduk di situ. Beliau tekun mendengar tuntutan yang disuarakan terus oleh Pengerusi Persatuan Penduduk Blok C Fasa 4B, Bakhtiar Anuar Md. Amin dan melihat pelan cadangan pembinaan.

Isu ini pernah disiarkan Mingguan Malaysia pada 26 September 2021 dan kemudian menerima maklum balas pihak PPj menerusi laporan eksklusif Utusan Malaysia pada 29 September 2021.

Mengulas lanjut, Timbalan Menteri berkata, sebelum projek itu dimulakan, PPj akan membina 44 petak parkir sementara terbuka serta laluan pejalan kaki berbumbung ke Blok C. Begitu juga laluan akses khas orang kurang upaya (OKU), warga emas serta wanita hamil akan turut dibina oleh PPj.

Jaminan turut diberikan, sepanjang tempoh selama 30 bulan, tiada kerja pembinaan dibenarkan selepas pukul 6 petang dengan pematuhan akan dipantau rapi oleh pihak PPj.

Justeru, jika berlaku sebarang pelanggaran oleh pihak pemaju projek tersebut, penduduk boleh mengajukan aduan terus kepada beliau menerusi talian aplikasi WhatsApp yang disediakan. Projek tersebut juga tidak akan menyusahkan penduduk dan memahami rungutan mereka kerana ia bagi mengatasi isu kesesakan parkir untuk jangka masa panjang.

Apabila disiapkan kelak, penduduk akan ada tambahan 114 parkir kereta, 61 parkir motosikal dan dua parkir Orang Kelainan Upaya (OKU) berbanding ketika ini kawasan itu cuma 230 parkir yang tidak cukup bagi keperluan kesemua 360 unit Fasa 4B.

Projek parkir yang setinggi dua setengah tingkat dengan kos RM5 juta, berkeluasan 1,444 meter persegi dan sudah dirancang pembinaannya oleh pihak kementerian berkenaan sejak 2018.

Kuarters penjawat awam Fasa 4B merupakan perumahan kakitangan kerajaan yang tidak boleh dijual dan diletak di bawah Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri.

Ia merupakan antara penempatan pertama yang diwujudkan di Putrajaya sejak tahun 2000 lalu bagi penjawat awam selepas Wilayah Persekutuan ketiga ini dibuka pada tahun 1995.





Putrajaya Bandar Pertama Asia Tenggara Hos Ke-38 IBBY



Pemilihan Putrajaya sebagai tuan rumah bagi penganjuran ke-38 IBBY Congress 2022 Putrajaya dilihat selaras dengan fungsi dan aspirasi ke arah mewujudkan pusat

pentadbiran negara yang cemerlang dalam pelbagai aspek dan hubungan antarabangsa.

Bertemakan '*The Power of Stories*', kongres yang bakal diadakan akan meneroka kisah dalam sastera kanak-kanak, budaya dan sistem pendidikan di seluruh dunia.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, persidangan tersebut dijangka akan dihadiri oleh penulis, penerbit, pelukis serta pencerita dari 83 buah negara. Kehadiran mereka memberi peluang untuk berkolaborasi, cetusan idea dan perspektif kepada penulis tempatan dalam karya penulisan serta ilustrasi baharu masing-masing yang seterusnya dapat menjamin penerbitan buku yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

Kongres ini juga berpotensi untuk membantu usaha pengeksporan kandungan buku tempatan di Malaysia ke peringkat antarabangsa. Penganjuran ini dapat memanfaatkan perpustakaan Putrajaya dan kanak-kanak melalui sumbangan buku cerita berilustrasi yang berkualiti, kata Presiden PPj selepas Majlis Menandatangani Nota Kolaborasi di antara Perbadanan Putrajaya dengan Majlis Buku Kanak-kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) di sini hari ini.

Lebih menarik, Putrajaya adalah bandar pertama di Asia Tenggara yang terpilih menjadi hos IBBY International Congress dan bandar keempat di peringkat Asia selepas New Delhi, Tokyo dan Macau.

PPj juga dalam perancangan untuk mengadakan lukisan mural penceritaan kanak-kanak beserta '*QR Code*' penceritaan di setiap mural. Tiga kawasan yang dikenal pasti untuk diadakan '*mural garden*' berkonsepkan laman cerita dengan pelbagai lukisan mural penceritaan adalah di Sisiran Tasik Presint 4, Taman Seri Empangan dan Dataran Putrajaya.

Secara tidak langsung, '*Putrajaya Mural Gardens*' akan menjadi daya tarikan pelancongan baru Putrajaya dan para peserta kongres akan turut dibawa melawat dan merakam kenangan bergambar di taman tersebut.

Diharapkan kongres ini dapat dijadikan pemangkin dalam meningkatkan kedudukan Putrajaya di persada antarabangsa dan juga membantu melonjakkan sektor pelancongan Putrajaya.





Pantai Buatan Di Putrajaya Jadi Tumpuan

Kebenaran peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) kawasan Lembah Klang iaitu Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor dari Fasa 3 kepada Fasa 4 pada 18 Oktober 2021 lalu menyaksikan lokasi menarik di Putrajaya menjadi tumpuan ramai.

Bersempena cuti umum sambutan Maulidur Rasul, destinasi pantai buatan di Sisiran Tasik Putrajaya berhampiran Kompleks Sukan Air Wilayah tersebut meriah dengan kehadiran pengunjung.

Rata-rata mereka menghabiskan masa bersama kaum keluarga berkelah di persisiran pantai buatan tersebut. Tidak kurang juga ramai yang mengambil kesempatan menikmati keindahan pantai. Pengunjung yang datang teruja dengan kewujudan lokasi tersebut memandangkan Putrajaya jauh daripada kawasan pantai untuk dikunjungi orang ramai di waktu lapang.

Dalam pada itu, pengunjung diminta untuk menjaga kebersihan kawasan tersebut daripada dikotori sampah sarap.

Sementara itu, Pantai berpasir di Anjung Floria, Presint 4 atau dikenali sebagai 'sandy beach' akan menjadi satu lagi tarikan pelancongan, bakal dibuka kepada pengunjung pada pertengahan Januari 2022 ini.

Lokasi tersebut yang berkeluasan 600 meter persegi dengan kepanjangan kira-kira 100 meter boleh memuatkan kira-kira 150 orang dalam satu-satu masa serta menggunakan sepenuhnya air di tasik Putrajaya.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Mohd. Zain berkata, tarikan baharu itu adalah antara satu daripada usaha pihaknya untuk meningkatkan lagi

jumlah pengunjung di Putrajaya. Ia berbeza dengan pantai buatan sedia ada di Presint 5 kerana di sana ialah kolam buatan yang penyelenggaraannya tinggi berbanding pantai berpasir di Anjung Floria ini menggunakan air tasik Putrajaya.

Kualiti air tasik ini ialah 2A dan ada juga di sesuatu kawasan kelas 1. Untuk membolehkan kita melaksanakan aktiviti bersentuhan dengan air, kualiti air adalah kelas B.

Dalam pada itu, pantai berpasir tersebut yang sudah siap pada 4 Disember 2021 lalu akan mengenakan sedikit bayaran kepada pengunjung yang mahu menikmati suasana di kawasan tersebut malah lokasi seperti itu akan diperbanyakkan lagi di sini jika mendapat sambutan menggalakkan.

Mengulas lanjut, Presiden PPj berkata, faktor air tasik di Putrajaya yang bersih juga membolehkan lebih banyak lagi aktiviti berkaitan air dapat dijalankan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Selain pantai berpasir ini, PPj turut menyediakan aktiviti kayak, bot dan memancing malah Anjung Floria ini juga dijadikan 'pitstop' utama untuk aktiviti berbasikal selain akan terdapat jualan tanaman (*garden shop*) yang akan dibuka dalam masa terdekat.



Dari Hotspot Denggi Ke Kebun Komuniti



Projek Perumahan Penjawat Awam (PPAM) Pudina sering dikaitkan dengan beberapa isu panas selepas bangunannya siap dibina dan boleh diduduki pada tahun 2017.

Kawasan penempatan di Presint 17, Putrajaya itu pernah dilaporkan sebagai lokasi hotspot denggi pada tahun 2019 apabila mencatatkan satu kes kematian akibat virus berkeñaan. Kini, lokasi berkeñaan seolah-olah berubah 360 darjah selepas kawasan hutan yang berada berhampirannya diubahsuai menjadi kebun komuniti.

Ketua Kebun Komuniti Pudina, Sazali Shamsuddin berkata, dia bersama komuniti terlibat mengambil inisiatif membersihkan kawasan sekitar perumahan termasuk hutan-hutan kecil berhampiran.

Kes denggi tinggi sebelum penduduk diami rumah di sini dan di kawasan hutan pula terdapat rumah kongsi iaitu tempat tinggal pekerja kontrak yang membina rumah Pudina. Dengan yang demikian, penduduk mengambil langkah proaktif dengan memulakan langkah awal membersihkan kawasan dan permulaan dilakukan di Blok G. Pada masa sama hubungan

silaturahim antara penduduk dapat dieratkan kerana semua penduduk baru berpindah masuk ke kediaman masing-masing

Menurut Sazali yang juga pesara kerajaan, disebabkan usaha gigih penduduk, dia memohon hak penggunaan tanah daripada Perbadanan Putrajaya (PPj) dan mendaftarkan tanah seluas 0.5 ekar, supaya kebun 'haram' itu boleh dijadikan milik rasmi.

Bermula daripada itu, Jabatan Pertanian Putrajaya yang turut serta dalam program kebun komuniti hadir melawat seterusnya mengadakan program fertigasi dan hidroponik untuk penduduk. Kebanyakan penduduk yang terlibat adalah mereka yang telah bersara, masih bekerja dan suri rumah.

Mengenai konsep tanaman yang ingin dikomersialkan pula, tanaman akan dilakukan mengikut fasa seperti mana jadual daripada Jabatan Landskap PPj. Tanaman akan ikut fasa, komuniti terlibat akan buat ikut program Jabatan Landskap PPj.

Hasil tanaman akan dipasarkan kepada penduduk sekitar menerusi kedai runcit yang terdapat di lobi PPAM Pudina.

Ppj Rai Pemenang Tiga Pertandingan Virtual



Pertandingan ini adalah secara tertutup kepada komuniti Putrajaya bermula dari 1 sehingga 16 september 2021 yang mana juara pertandingan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300 beserta peralatan sukan.

Peserta Pertandingan *Skate At Home* pula berjaya menarik seramai 20 pemain papan selaju dengan pemilihan pemenang berdasarkan kemahiran mereka bermain papan selaju yang direkod dalam masa seminit.

Juara pertandingan membawa pulang wang tunai RM300 dan barangan peralatan sukan serta sijil penyertaan,.

Sementara itu, juara pertandingan bercerita secara virtual yang terbuka kepada semua pelajar sekolah di Putrajaya dan kawasan sekitarnya yang berumur 10 hingga 12 tahun dan membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300.

Pertandingan yang dianjurkan Perbadanan Putrajaya (PPj) secara virtual sebelum ini dilihat dapat mengurangkan tekanan emosi kepada orang ramai berikutan aktiviti rekreasi yang terbatas pada tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 yang lalu.


Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, Norzita Abdul Razak, tiga pertandingan yang dianjurkan sempena Hari Malaysia 2021 berjaya menarik 108 orang peserta menerusi penyertaan aktif sukan secara virtual.

Penyertaan secara menyeluruh dalam kegiatan sukan serta aktiviti gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti Putrajaya sekali gus memberi peluang dan kesempatan kepada para peserta menunjukkan bakat, keupayaan dan potensi amat digalakkan.

Dalam masa yang sama, penganjurannya juga meningkatkan serta memperkukuh interaksi social, persefahaman, kerjasama dan perpaduan dalam kalangan komuniti dengan pihak PPj.

Terdahulu, PPj meraikan seramai 31 pemenang bertempat di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3, dalam pertandingan bercerita, *Skate At Home Challenge* dan *Jump Rope Challenge Putrajaya 2021*.

Penilaian pertandingan *Jump Rope Challenge Putrajaya 2021* dipilih berdasarkan jumlah lompatan dalam masa seminit para peserta.



Memupuk Idea Untuk Tapak Semaian

PUTRAJAYA pada mulanya dibina sebagai bandar taman. Walau bagaimanapun, menjadi menyenangkan dari segi estetika dengan kehijauan yang berkembang pesat memerlukan kos yang tinggi.

Pengarah Bahagian Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap Perbadanan Putrajaya (PPj), Haris Kasim berkata pihak berkuasa membelanjakan kira-kira RM40 juta setahun untuk penyelenggaraan landskap dan aktiviti berkaitan.

Walaupun sebelum ini kerja penyelenggaraan landskap bandar dilakukan oleh pihak kontraktor, PPj memutuskan untuk mengambil alih operasi tersebut dengan matlamat menjimatkan perbelanjaan sehingga 15%.

"Kami menjalani latihan intensif untuk mempersiapkan diri menghadapi operasi taska di Taman Wetlands Putrajaya. "Kami kemudiannya mengambil alih operasi apabila kontrak syarikat terdahulu tamat pada 2019, kata En. Haris. Apabila PjC mengambil alih tapak semaian seluas 17.4 hektar di Taman Wetlands Putrajaya di Presint 12, ia meneruskan kerja-kerja yang ditinggalkan oleh syarikat terdahulu.

Kira-kira 150 spesies tumbuhan boleh didapati di Kedai Taman seluas 17.4 hektar di Putrajaya. Ia pada mulanya sukar, tetapi apabila telah diambil alih operasi, lebih banyak loji dihasilkan daripada yang diperlukan.

Keratan hasil kerja pemangkasan tumbuhan yang dijalankan di bandar itu disimpan dan dibawa balik ke tapak semaian. Keratan itu kemudiannya ditanam semula dalam polibeg untuk tumbuh menjadi tumbuhan baharu.

Walaupun tumbuhan baru ini pada mulanya ditanam sebagai sandaran untuk menggantikan yang rosak, lama atau mati, ia adalah berlebihan. Ketika inilah idea *Garden Shop* lahir. Ia dibuka pada Oktober tahun 2020 untuk menjual lebih loji kepada orang ramai, tetapi jualan adalah rendah kerana perintah kawalan pergerakan dan sekatan memasuki kawasan taman.

Sejak Putrajaya memasuki Fasa Dua Pelan Pemulihan Nasional, dilihat aliran pelanggan yang menggalakkan, terutama pada hujung minggu.

Tapak semaian ini mempunyai lebih daripada 150 spesies tumbuhan, termasuk yang bersifat hiasan, berbunga dan boleh dimakan seta terdapat tumbuhan herbajuga. Anak pokok buah-buahan



juga boleh didapati dan juga pembuatan serta menjual baja kompos juga terdapat di sini.

Tumbuhan hiasan yang mencerikan jalan raya Putrajaya juga boleh dibeli di sini. Harga amat kompetitif kerana objektifnya bukan sahaja untuk mengaut keuntungan tetapi juga untuk menggalakkan orang ramai menanam tumbuhan dan mengimbangi sebahagian daripada kos operasi.

Khidmat nasihat percuma tentang cara menjaga tumbuhan juga ditawarkan oleh kakitangan *Garden Shop*. Sementara itu, pihak semaian juga sedang menanam beberapa tumbuhan tanah lembap untuk tanah lembap.

Selain berfungsi sebagai taska, terdapat rancangan besar untuk menjadikannya sebagai tarikan pelancong. PPj mahu menggalakkan orang ramai, terutamanya generasi muda, menjaga tumbuhan. Orang muda yang tinggal di bandar cenderung kurang terdedah kepada hortikultur. Terdapat banyak ruang di sini dan PPj merancang untuk menggunakannya untuk sesi perkongsian, aktiviti pendidikan dan seminar, dengan kerjasama agensi dan universiti. Terdapat juga rancangan untuk kafe bertema taman untuk pengunjung berehat dan menikmati suasana.



Kayuhan Sejauh 100 KM Raihan Sambutan Perancang Bandar

Sempena sambutan 100 tahun Perancang Bandar pada tahun 2021, satu program kayuhan basikal bertemakan 'From Garden City to Smart Garden City' dari Kuala Kubu Bharu (KKB) ke Putrajaya diadakan pada 30 Oktober 2021.

Kayuhan bermula dari KKB sebagai simbolik bandar terancang pertama di Malaysia dan berakhir di Putrajaya yang merupakan contoh terbaik permulaan utopia Perancang Bandar di Malaysia.

Program menarik ini merupakan anjuran Persatuan Pegawai Perancang Bandar Malaysia (PERSADA) dan PLANMalaysia (Perancangan Bandar dan Desa) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) serta Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Kayuhan tertutup sejauh 100 kilometer (km) tersebut disertai 13 orang ahli perancang bandar bertujuan mencerminkan keceriaan kehidupan sebuah bandar sihat yang mana peserta dapat melalui kawasan pinggir bandar, pusat bandar dan suasana alam semula jadi yang tenang.

Dalam pada itu, menurut Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, berbasikal mampu memberi kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kesihatan, peningkatan melaksanakan aktiviti gaya hidup sihat dan ke arah komuniti dan bandar yang sejahtera.

Kerjasama yang dibentuk merupakan kaedah secara langsung untuk mempromosikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) antara penganjur selain usaha meningkatkan kesedaran bersukan dan menjaga kesihatan.

Terdahulu, program yang berlangsung pada Sabtu bermula seawal jam 9 pagi dan berakhir pada jam 5 petang dengan kayuhan purata bawah 30 kilometer per jam (km/jam).

From Garden City to Smart Garden City
tema kayuhan sempena sambutan 100 tahun Perancang Bandar





PPj rangkul Anugerah Bandar Mampan 2021

Perbadanan Putrajaya (PPj), yang mengurus dan mentadbir Wilayah Persekutuan Putrajaya dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Bandar Mampan 2021 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

PPj menewaskan 127 pihak berkuasa tempatan (PBT) lain yang turut bersaing dalam kategori Majlis Bandaraya dengan memperoleh skor 99.78 peratus bagi Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNInets) 2.0.

Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain yang menerima anugerah itu daripada Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan PLANMalaysia, Dr Alias Rameli berkata kejayaan itu menjadi platform kepada PPj untuk mengekalkan status bandar mampan sejak 2012.

PPj akan meneruskan pelbagai usaha yang telah dan sedang dirancang bagi memastikan kejayaan pembangunan bandar mampan dan selamat dicapai.

Anugerah Bandar Mampan bertujuan menggalakkan PBT untuk membangunkan bandar secara mampan, berdaya huni dan berkonsep kejiranan hijau.

Penilaian Bandar Mampan di Malaysia dilaksanakan berpandukan sistem MURNInets yang dibangunkan oleh PLANMalaysia pada

1998 bagi mengukur tahap kemampuan bandar dan pelaksanaannya selaras dengan SDG dan agenda Perbandaran Baharu.

PPj turut meraih dua lagi anugerah iaitu Amalan Terbaik SDG 11 dan 'ASEAN Placemaker 2021' menerusi penyertaan Kebun Komuniti Presint 16.

Menerusi Rangka Tindakan Masyarakat Sejahtera Putrajaya, PPj komited menjadikan Putrajaya sebagai bandar rekreasi berasaskan sukan, sekali gus memberi peluang kepada peniaga dan komuniti setempat untuk menjana pendapatan.

PPj turut dalam perancangan untuk mewujudkan Pusat Madu Kelulut di Taman Botani tahun 2022 yang akan diusahakan komuniti di Putrajaya bagi tujuan mengkomersialkan produk berasaskan madu kelulut.





Malaysian Delegates
46th International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) 2021
Hyderabad, India | 24-27 November 2021

Award Categories

NO	AWARD	MARKS
1	PAR EXCELLENCE	ABOVE 80%
2	EXCELLENT	70% - 80%
3	DISTINGUISHED	60% - 70%
4	MERITORIOUS	BELOW 60%



PPj Rangkul Dua Anugerah Par Excellence Di Hyderabad India

Bio-K (Penguji Beg Biodegradasi). Kumpulan K-Max diwakili pegawai dari Bahagian Perlesenan, Jabatan Perkhidmatan Bandar telah berjaya menghasilkan produk yang boleh mengenal pasti dan membezakan antara beg biodegradasi yang dibenarkan dan beg konvensional semasa rutin penguatkuasaan dilaksanakan di premis-premis dalam Wilayah Persekutuan Putrajaya. Penggunaan Produk Biodegradasi dapat mengurangkan pencemaran dan memelihara alam sekitar untuk generasi akan datang.

Semoga dengan pencapaian ini akan memberi lebih semangat kepada warga PPj untuk menghasilkan lebih banyak lagi produk inovasi bertaraf dunia pada masa akan datang.

Terdahulu, ICQCC 2021 disertai oleh 81 kumpulan dari 50 organisasi delegasi dari Malaysia.

Sekalung tahniah diucapkan kepada kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Perbadanan Putrajaya iaitu OSCXPert (Jabatan Perancangan Bandar & Jabatan Perkhidmatan Korporat) dan K-Max (Jabatan Perkhidmatan Bandar).

Perbadanan Putrajaya (PPj) sekali lagi membuktikan kecemerlangannya dalam bidang inovasi apabila berjaya merangkul dua anugerah Par Excellence (Anugerah Tertinggi) yang dianjurkan oleh Quality Circle Forum of India (QCFI) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada 24 hingga 27 November 2021.

Anugerah yang berlangsung secara maya di International Convention On Quality Control Circle (ICQCC) 2021, Hyderabad, India dimenangi PPj menerusi kumpulan OSCXpert gabungan Jabatan Perancangan Bandar dan Jabatan Perkhidmatan Korporat.

OSCXPert telah membentangkan projek inovasi Sistem Pemantauan OSC 3.0 Sebagai Mudahcara, Mempercepatkan Kelulusan Pembangunan & Proses Permit Pembinaan. Kumpulan OSCXpert telah membangunkan Sistem OSC 3.0 yang memudahkan pemantauan fasa pembangunan projek di Putrajaya. Segala urusan permohonan dan pemprosesan sepenuhnya secara atas talian. Sistem ini telah diiktiraf oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dicadangkan untuk dipanjangkan penggunaannya ke semua pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam masa terdekat.

Selain Kumpulan OSCXpert, PPj turut diwakili oleh Kumpulan K-Max dari Jabatan Perkhidmatan Bandar yang telah membentangkan projek inovasi Produk



Keunikan Glamping@ Wetland (GL@W)

Glamping pastinya menjadi pilihan pengembara mahupun warga kota yang ingin lari daripada kehidupan yang sibuk dan melelahkan. Bagi yang belum kenal istilah 'glamping', ia adalah gabungan konsep 'glamorous' dan 'camping', iaitu perkhemahan yang dilengkapi dengan ciri mewah.

Kebiasaannya di kawasan glamping ini kita boleh terus masuk ke dalam khemah dan tidak perlu bersusah payah memacaknya, ia juga lengkap dengan kemudahan makanan selain tempat tidur yang selesa berbanding perkhemahan zaman sekolah dahulu.

Sejajar dengan perkembangan masa kini, banyak destinasi glamping yang boleh diterokai dan salah satunya di Glamping@Wetland (GL@W), Putrajaya. Uniknyanya di sini, pengunjung yang hadir turut disajikan dengan pelbagai aktiviti menarik dengan harga yang berpatutan selain menikmati kehidupan alam semula jadi serta panorama flora yang pelbagai.

Selaras dengan ini, produk baharu yang dibangunkan Perbadanan Putrajaya (PPj) sudah mula dibuka kepada orang ramai bermula 09.12.2021. Bertempat di Presint 3, *Glamping@Wetland (GL@W)*, Putrajaya merupakan pusat rekreasi dan perkhemahan yang menawarkan pakej percutian santai bermalam di dalam khemah yang dikelilingi keindahan alam semulajadi.



Menurut Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Mohd Zain, *GL@W glamping* merupakan keunikan pertama diwujudkan di tengah pusat pentadbiran yang dilengkapi pelbagai kemudahan dan aktiviti rekreasi menarik dengan harga yang berpatutan. Harga penginapan satu malam yang ditawarkan serendah RM120 seorang yang meliputi pakej makan sebanyak empat kali sehari iaitu sarapan pagi, makan tengahari, minum petang dan makan malam.

Bagi pengunjung yang meminati aktiviti lasak pula, mereka boleh melakukan aktiviti seperti *ATV adventure ride*, *ATV night ride* dan *night walk*, berbasikal dan persembahan api (*fire show*). Kemudahan ini akan ditambah baik pada fasa 2 yang akan mula proses perolehannya pada Januari 2022.

Fasa 2 akan merangkumi penambahan khemah *glamping* sebanyak 12 unit beserta pelbagai aktiviti lasak yang pasti menyeronokkan dan lebih ekstrem. Antara penambahan aktiviti tersebut ialah *flying fox* sepanjang 200 meter di sepanjang pesisir tasik, program perkhemahan buat pengunjung yang ingin melakukan kursus dan oasis iaitu taman mini *waterpark* untuk kanak-kanak bermain air.

Selain itu, 50 tapak telah dikhaskan kepada pengunjung yang ingin berkhemah dan caj sebanyak RM15 akan dikenakan. Destinasi ini diwujudkan berikutan Putrajaya mempunyai 13 taman yang berkeluasan 2,600 hektar dan ianya memberi peluang kepada pengunjung untuk merasai pengalaman berkhemah di tengah bandar.



18 Pekhidmat PPJ Terima Bantuan Segera Banjir



Seramai 18 kakitangan Perbadanan Putrajaya (PPj) yang terkesan banjir sekitar Klang, Dengkil, Sepang dan Semenyih menerima bantuan segera.

Pekhidmat merupakan aset yang penting dalam setiap organisasi dan perlu dijaga sebaiknya oleh setiap majikan. Tanpa kehadiran mereka sudah semestinya sesebuah organisasi tersebut tidak dapat menjalankan aktiviti dengan berkesan dan sempurna.

Menyedari kepentingan tersebut, PPj menerusi Kelab Kebajikan Sukan dan Rekreasi (KRISPutra) tampil membantu pekhidmat yang terkesan dengan banjir yang melanda Lembah Klang baru-baru ini.

Menurut Pengerusi Squad Bencana PPj, Nik Shukri Nik Soh, seramai 18 orang kakitangan PPj beserta keluarga terlibat dengan banjir dan dibantu menerusi enam bentuk bantuan segera bagi meringankan beban ekoran banjir.

Antara bentuk bantuan yang diberi berupa wang tunai, bakul makanan, bakul keperluan diri, ubat-ubatan dan penginapan beserta sarapan pagi, tengah hari dan malam. Dari segi penginapan, bagi mereka yang tiada tempat tinggal, mereka ditempatkan buat sementara di rumah tamu PPj di Presint 11 dan sebahagiannya di Hotel Pulse Grande sehingga semuanya kembali seperti sediakala.

Setelah air banjir surut, apabila kesemua mereka kembali ke rumah masing-masing, PPj akan membantu menyediakan perkakas keperluan mencuci rumah serta khidmat pembersihan selain keperluan asas rumah berupa barangan elektrik.

PPj sedia maklum, apabila air naik ke rumah secara mendadak maka banyak barangan yang tidak dapat diselamatkan terutamanya barangan elektrik. Dengan adanya bantuan ini sedikit sebanyak dapat membantu pekhidmat serta menjaga kebajikan mereka dalam melalui dugaan bencana seperti ini.

Ini merupakan kali pertama pekhidmat terjejas teruk dan kejadian ini tidak dijangka memandangkan kediaman mereka bukanlah berada di lokasi banjir.

